

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM: PELUANG DAN CABARAN

Oleh
Siddiq Fadzil

Abstract

As the title suggests: Islamic Institution of Higher Learning: Opportunities and Challenges, the spirit of writing of this paper is much motivated by realizing the benefits of combining the relevant past with the meaningful contemporaries. By relevant past it is meant that the legacies that the traditional Islamic education has bequeathed such as the spiritual development aspect, student-teacher relationship and by meaningful contemporaries, it is meant the present-day teaching of practical knowledge, the techniques and all the modern paraphernalia involved. While acknowledging those qualities that can help boost Islamic education system, the present writer is extremely skeptical if not worried by the present-day education system, which is taking place. Under the corpus of liberal market force system education has been commercialized and become one of the commodities that is subject to market supply and demand. Thus, altruistic values such as scholarship, intellectualism and idealism are reduced to commodities succumb to market force. The present global political scenario is not in favor of Islamic education either, especially the post Sept 11 incident, where Islam has been indiscriminately stereotyped. It is within this complexities that the present writer with vigor and enthusiasm expresses his optimism that Islamic institutions can play and provide an effective bulwark against any hegemonic forces such as globalization and the like. How effective it is, is very much dependent upon how competent those institutions that we aspire in providing Islamic education to the ummah .

Pendahuluan

Institusi-institusi pengajian tinggi Islam (IPTI) masa kini pada hakikatnya merupakan tahap mutakhir proses pertumbuhan sistem pendidikan Islam yang terus-menerus berkembang dan berubah akibat pelbagai faktor dalaman dan luaran termasuk pertembungannya dengan sistem pendidikan moden. Dalam kesetiannya memelihara warisan IPTI juga

cukup responsif-akomodatif terhadap perubahan. Dengan demikian kita dapat menyaksikan bahawa IPTI umumnya memperlihatkan ciri khas kependidikan yang menggabungkan kesilaman dengan kekinian sebagai pengaktualisasian idea *al-jam'u bayn al-qadim al-salih wa al-jadid al-nafi'* iaitu pemaduan antara kesilaman yang relevan dan kekinian yang bermanfaat.

Akar sejarah IPTI adalah tradisi pengajian Islam berasaskan konsep kekudusan (*sacred*) ilmu yang segala cabangnya terkait dengan ketuhanan. Memang antara ciri khas pengajian Islam tradisional ialah keakrabannya dengan institusi-institusi keagamaan seperti masjid, pusat-pusat kesufian dan premis-premis yang dibiayai dengan harta wakaf. Bermula sebagai bahagian yang integral daripada masjid yang berfungsi sebagai pusat ibadat, pendidikan dan urusan kemasyarakatan; pendidikan Islam berkembang menjadi institusi tersendiri dengan nama *madrasah* (secara harfi bererti tempat pembelajaran). Namun hubungannya dengan masjid tetap erat baik dari segi lokasi fizikal mahupun orientasi keintelektualannya. Al-Azhar mungkin dapat dilihat sebagai contoh yang menepati konsep kesepaduan masjid-madrasah. Seterusnya ia meningkat lagi hingga mencapai taraf universiti penuh sekitar 1100 tahun yang lalu. Antara IPTI model tersebut yang masih wujud hingga sekarang termasuklah Qarawiyyin (Fez), Zaytuniyyah (Tunis) dan al-Azhar (Kaherah). Dengan menjadi bahagian yang integral daripada rangkaian insitituti-institusi keagamaan seperti yang dinyatakan di atas, di samping asas kekudusan ilmu yang mendasarinya, pengajian Islam tradisional memiliki wibawa dan citra yang *religious* dan kudus. Keadaan yang sedemikian itulah juga yang menciptakan pola hubungan murid-guru yang unik: akrab, hormat dan kerohanian; suatu yang sukar difahami dalam konteks orientasi pendidikan sekular moden.

IPTI dan Orientasi Komersial Masa Kini

Dalam sejarahnya IPTI telah mengalami perubahan dan pengemaskinian yang terus-menerus demi memastikan kerelevanannya di samping mempertahankan jati diri keislamannya. Ketika ini IPTI berhadapan dengan realiti baru abad 21 yang cukup mencabar, terutama pelbagai anjakan yang sedang berlaku di dunia keuniversitian. Ketegaran dan keluwesannya IPTI benar-benar sedang teruji. Mungkin makalah *The Future is Here: The University of the 21st Century* dalam *EDUCATION QUARTERLY* isu Mei-Jun yang lalu dapat memberikan gambaran umum tentang anjakan dan trend yang terkini. Antara lain dinyatakan bahawa,

Today, this great institution that we call the university is at the most critical point of its existen Today's

universities are jolted into realizing that the Mongul plunder fades in comparison with the seemingly unstoppable tide of science and technology. If the great universities of the past delivered knowledge that they thought was important, their counterparts today are being forced to deliver what their students want.

If in years gone by knowledge influenced the environment, today the environment influences knowledge and its delivery. If the universities of the past talked about knowledge, today they talk about products and services. Students are their customers and the employment market is their most critical evaluator. The success of a university is no longer about creating new knowledge but about creating useable knowledge. The shift from knowledge for knowledge's sake to practical knowledge is too evident for any university to ignore. (Saravan Karumanan, 2003:46).

Ternyata fenomena yang sedang berlaku memang cukup memprihatinkan. Pendidikan telah menjadi sejenis *business* yang mula didominasi oleh golongan kapitalis. Malah sektor pendidikan sudah diberi label "industri" yang tentunya membawa implikasi penekanan pada motif perekonomian (mencari keuntungan) sesuai dengan konotasi kata industri itu sendiri sebagai "perusahaan (biasanya secara besar-besaran) untuk membuat, menghasilkan, mengeluarkan barangan" (Kamus Dewan, 2000:490). Dengan kata lain, idea yang tersirat di balik pemakaian istilah "industri pendidikan" adalah pengkomoditian ilmu dan ilmuwan yang nilainya ditentukan oleh hukum pasar: penawaran dan permintaan. Pendidikan juga sudah dipersepsikan sebagai sejenis "pelaburan" yang juga berkonotasi perekonomian. Seorang bapa sanggup mengeluarkan biaya besar untuk pendidikan anaknya atas perkiraan untuk memperoleh pendapatan lumayan pada masa akan datang. Demikianlah alasan yang diberikan oleh Tony Blair dalam pembelaannya terhadap rancangan menaikkan yuran tambahan bagi pengajian tinggi di UK baru-baru ini. Sasarannya adalah golongan berada *who should regard university fees as an investment in their future earning power.* (EDUCATION QUARTERLY, Jan/Fab 2003: 28).

Gejala semacam itulah yang disebut oleh Dr. Renato Constantino sebagai *commodifying intelligence* dengan implikasi *the rules of the market place apply not only to goods but also to people and principles.* Tampaknya trend penswastaan dan komersialisasi pendidikan memang sudah menjadi

fenomena global, terutama sejak pemerintah-pemerintah dunia melaksanakan program penstrukturan semula yang meliputi langkah memotong belanjawan sektor-sektor yang tidak menguntungkan. Akibatnya sektor pendidikan semakin kehilangan dukungan pemerintah, khususnya pada tahap pendidikan tinggi. Dengan demikian IPT semakin bergantung kepada pendanaan pihak swasta. Untuk memungkinkannya terus hidup dan berkembang IPT terpaksa berhempas-pulas mencari dana termasuk dengan menaikkan yuran pengajian, mengkomersialisasikan segala aset yang dimiliki dan memberikan tumpuan hanya pada bidang-bidang pengajian yang dapat membawa pulangan. Renato Constantino menyebut fenomena ini sebagai *neoliberal tenet* yang berpegang kepada idea bahawa *anything truly good must be able to make a profit*. Dengan anjakan tersebut IPT seolah-olah telah mengeneppikan fungsi khidmat sosialnya dan mengabaikan peranan tradisionalnya sebagai penjana kecemerlangan akademik dan wahana pemberdayaan bangsa. Demikianlah dominannya iklim korporat dalam dunia pendidikan kita sehingga mengakibatkan menurunnya kualiti kesarjanaan apabila prinsip, nilai dan idealisme keintelektualan ditundukkan kepada kemahuan pasar. (Renato Constantino, 1996: 5-8).

Kemelut kependidikan yang telah menimpa Barat dan kini merebak ke serata dunia dibawa arus globalisasi. Lewat kolumnya dalam majalah *NEWSWEEK* 14 Jan 2002 yang lalu, Fareed Zakaria menulis tentang *The Education of a President* yang mengungkapkan apa yang disebutnya sebagai suatu tragedi kecil Amerika. Katanya, "*One of the minor tragedies of modern America has been the transformation of the college president from public intellectual to fund-raising bureaucrat. Most presidents steer clear of any involvement in the substance of academic life - the ideas and the scholarship - for fear that someone, somewhere, will be offended.*" Ternyata tragedi keintelektualan tersebut tidak lagi terbatas sebagai fenomena Amerika. Di sini pun sudah berlaku transformasi citra pimpinan IPT, dari sarjana menjadi pencari dana. Wibawa kesarjanaan pimpinan IPT jelas semakin pudar, dan warga IPT pun tidak lagi berasa bernaung di bawah seorang sarjana besar. Sebaliknya mereka lebih berasa berada sama ada di bawah arahan CEO sebuah badan korporat atau di bawah pengawasan seorang suruhan parti politik. Di sini juga sudah timbul gejala-gejala yang mengisyaratkan hilangnya keberanian intelektual pimpinan IPT untuk menyatakan pendirian dalam isu-isu kontroversial yang memerlukan masukan atau *input* keintelektualan. Mereka lebih suka mengambil "jalan selamat" dengan menutup mulut, atau bersuara selaku jurucakap majikan.

Budaya komersial yang semakin dominan itu secara konsekuensial berhujung dengan melonjaknya kadar biaya pendidikan tinggi. Yuran pengajian yang terlalu membebankan bererti penyempitan peluang untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Hanya sebilangan kecil anak-anak kelas menengah yang berpeluang menikmatinya, sedang majoriti besar rakyat bawahan akan ternafi haknya. Dengan demikian pendidikan tinggi akan lebih bersifat elitis dan jurang perbezaan sosial akan lebih meluas. Elitisme ini jelas bertentangan dengan aspirasi pendemokrasian pendidikan. Keadaan tersebut lebih memprihatinkan lagi jika dilihat pula dari perspektif Islam. Menuntut ilmu adalah suatu kewajiban keagamaan. Mengenakan bayaran yang terlalu tinggi dan memberatkan bererti mempersulit, walaupun tidak menghalang pelaksanaan suatu perintah agama.

Semakin menguatnya orientasi komersial akan menjadikan IPT semakin tercabut dari tradisi ummatiknya. Dengan kata lain IPT akan menjadi *out of touch* dari umat dan tidak lagi mengakar di tengah masyarakat. Sebaliknya ia akan lebih berpaut pada pihak-pihak pemberi dana. Akibatnya pemikiran umat tidak lagi terbimbing dan terbentuk dalam acuan keilmuan, sebaliknya terbelenggu dalam pola fakir yang dibentuk oleh media propaganda parti-parti politik dan kaum pemodal. Memang demikianlah kenyataannya ketika ini, konsumerisme dan politik kepartian telah menjadi *way of life* atau cara hidup rakyat. Terpinggirnya intelektual dan IPT dari kancah kehidupan masyarakat telah membuka ruang yang seluas-luasnya kepada kaum pemodal memabukkan umat dengan konsumerisme sehingga mereka mengalami ketagihan berbelanja (*addicted to shopping*) dan seterusnya menyeret umat ke dalam gaya hidup konsumeris yang rakus dan boros. Sementara itu parti-parti politik pula berleluasa membelenggu pemikiran rakyat dalam tembok-tembok kepartian untuk kemudian dijadikan massa parti yang doktriner dan emosional.

Ternyata cabaran yang harus ditangani oleh IPTI ketika ini memang cukup berat. Kita dituntut untuk mengimbangi dua keperluan serentak: a. kesetiaan kepada kemurnian misi keilmuan dan kependidikan yang Islami, dan b. keterbukaan terhadap perubahan yang terus berlaku. Kerana itu IPTI harus tetap komited mendidik generasi umat dengan *al-din al-khalid alladhi la yataghayyar wa al-'ilm al-nami alladhi la yatahajjar* (agama abadi yang tidak berubah dan ilmu dinamik yang tidak membeku). Demikianlah beratnya cabaran menangani perubahan yang jelas memerlukan kearifan bukan kepalang: sikap akomodatif yang sekaligus

kritis, selektif dan kreatif. Kegagalan memelihara misi berarti khianat, sementara kegagalan menyesuaikan diri dengan perubahan berarti tidak relevan lagi.

Pengajian Islam Pasca 11 September

Situasi yang memang sudah cukup bermasalah itu menjadi lebih gawat lagi ekoran peristiwa 11 September yang kemudian diikuti Perang Teluk II. Peristiwa tersebut telah menyebabkan Amerika "mengamuk". Mereka tidak hanya memburu pelaku-pelaku apa yang mereka sifatkan sebagai "terrorisme", tetapi telah melakukan pelbagai bentuk pencerobohan dan pembantaian di mana-mana dengan memangsakan umat Islam dan agamanya. Dalam suasana sekarang yang jelas terasa adalah tersudutnya umat Islam dan terjejasnya citra Islam apabila ia dikait-kaitkan dengan keganasan. Gerakan "mengamuk" itu tampaknya bukan hanya bersifat politik dan ketenteraan, tetapi juga berunsur keagamaan. Ternyata wujud persekongkolan antara pentadbiran George W. Bush dengan kelompok penginjil radikal yang ditokohi oleh Billy Graham dan anaknya Franklin Graham. Menyedari adanya hubungan kesalingan tersebut, tidaklah menghairankan jika dalam pidato-pidatonya Presiden Bush banyak sekali memakai idiom-idiom dari kitab sucinya.

Kedua belah pihak tersebut memang saling memerlukan dan seterusnya saling memanfaatkan, lalu memadu tenaga dalam usaha bersama menyerang Islam secara yang cukup agresif. Nabi Muhammad s.a.w. dilabel sebagai teroris dan Islam sebagai agama jahat. Franklin Graham yang terkenal dengan imej *Islam basher* itu menyifatkan Islam sebagai *a very evil and wicked religion*. Sebenarnya mereka adalah kelompok yang telah lama memendam rasa kecewa, resah dan kalah menyaksikan fenomena perkembangan pesat Islam khususnya di Amerika sehingga muncul sebagai *the world's fastest growing religion*. Kerana itu mereka telah mengeksploitasi Peristiwa 11 September dan keberangan pentadbiran Bush untuk melampiaskan rasa kecewa tersebut.

Betapa agresifnya gerakan memukuli Islam dapat disaksikan dalam pelbagai bentuk, mulai dari tekanan politik dan ekonomi, tindakan ketenteraan, propaganda media, serangan keintelektualan hinggalah ke gerakan pemurtadan. Mereka nekad untuk merubah orang Muslim, bahkan merubah Islam itu sendiri. Gerakan penginjilan merempuh masuk ke serata daerah Islam dengan matlamat seperti yang disebut oleh seorang tokoh penginjil, Luis Bush, "*Islam is reaching out energetically to all parts of the globe; in a similar strategy, we must penetrate [its] heart with the*

liberating truth of the gospel." Sasaran serbuan mereka ialah negara-negara yang terletak di kawasan yang disebut *The 10/40 Window* yang majoriti penduduknya mereka sifatkan berada dalam keadaan "*enslaved by Islam, Hinduism and Buddhism and, ultimately, by Satan*". (TIME, Jun 30 2003:54).

Demikianlah tekad mereka untuk merubah umat Islam (*converting the Muslims*) dan serentak dengan itu mereka juga berusaha merubah agama Islam (*converting Islam*) dengan pelbagai cara. Dengan memomok-momokkan Islam sebagai agama *terror*, agenda terselubungnya ialah pendangkalan, pengecutan dan pelumpuhan Islam, termasuk depolitisasi Islam dan pencairan dinamikanya. Ajaran tentang jihad dan syahadah misalnya harus dicairkan walaupun tidak dihapuskan sama sekali. Mereka melaksanakan agenda tersebut terutamanya dengan tekanan kuasa dan propaganda media. Akhirnya nanti Islam yang dapat ditoleransi bukan lagi Islam asli sebagaimana adanya, tetapi hanya "Islam" versi Amerika. Dengan kata lain, dunia tidak lagi akan mengenal *al-Islam al-Qur'aniy*, sebaliknya yang dapat mereka saksikan adalah *al-Islam al-i'lamiy* (Islam versi media) yang didalangi Amerika.

Perkembangan tersebut tentu ada pula implikasinya dalam orientasi kajian dan pengajian Islam di Barat, khususnya di Amerika. Dalam kaitan inilah IPTI seharusnya terpacu untuk bersikap responsif seperlunya demi objektiviti keilmuan dan amanah keintelektualan. Dalam situasi memaraknya api kebencian terhadap Islam memang sulit untuk mengharap kajian yang objektif dan adil, malah sangat berkemungkinan kembalinya orientalisme kepada "kejulingan" lamanya yang melihat Islam hanya dari sudut pandang kepentingan kolonialisme. Tampaknya tipislah harapan untuk menyaksikan kemunculan orientalisme baru yang objektif dan seimbang seperti yang dirintis oleh beberapa sarjana Barat masa kini seperti John L. Esposito, John C. Raines dan lain-lain yang sealiran. Sebaliknya yang akan berlaku dalam orientasi orientalisme pasca 11 September adalah pengesahan kepada kritik Edward Said terhadap tradisi orientalisme yang mengabdikan kepada kepentingan kolonialisme. Untuk kali ini ia akan berkhidmat kepada neo-kolonialisme Amerika.

Apa yang sedang berlaku di Barat itu pada hakikatnya adalah suatu *set back* dalam perkembangan keintelektualan yang tidak semua orang Barat dapat menerimanya. Suatu fenomena yang timbul mendadak selepas peristiwa 11 September ialah minat terhadap Islam yang meluas di

kalangan rakyat Amerika. Pasaran buku-buku Islam dikatakan bertambah laris, tokoh-tokoh ilmuwan bidang keislaman menjadi tumpuan ramai, sementara kursus-kursus mengenai Islam di IPT tiba-tiba menjadi begitu popular. Demikianlah gambaran yang diberikan oleh Kenneth L. Woodward dalam makalahnya, *How Should We Think About Islam?*. Katanya, "Prior to September 11, a survey of some 900 university religion and theology departments by the Lilly Endowment showed that a third of them offered no courses on Islam. Now universities are in bidding war for Islamic experts; for the next semester most scheduled courses on Islam are already oversubscribed. On the congregational level, imams have never been in greater demand as guest speakers at church and synagogue meetings." (NEWSWEEK, Dec. 31 2001/Jan. 7 2002: 74).

Barangkali dapat diasumsikan bahawa meskipun perkembangan tersebut diliputi mega prasangka, tetapi tidak sedikit pula dari kalangan mereka yang didorong oleh minat yang tulen untuk mengetahui hakikat Islam. Dengan demikian babak sejarah yang sedang dilintasi oleh Islam ketika ini mungkin dapat dipersepsikan sebagai fenomena berwajah ganda: bermasalah, tetapi sekaligus suatu kesempatan. Berasaskan kemungkinan tersebut IPTI di rantau ini perlu memikirkan suatu gagasan baru pengajian Islam (*Islamic studies*) yang lebih berwibawa, relevan dengan realiti masa kini, responsif terhadap perkembangan, memiliki daya tarik pada tingkat global, terjangkau oleh dunia luar termasuk Barat; dan yang terpenting mampu menyerlahkan hakikat Islam. Sementara itu orientalisme-neokolonialisme juga perlu dijawab secara berkesan. Dalam kaitan ini barangkali cukup beralasan untuk mempertimbangkan gagasan oksidentalisme (*al-istighrab*) dengan metodologi keilmuan dan orientasi keserjanaan yang sihat agar keeluasaan dan dominasi orientalisme (*al-istishraq*) tunggangan neo-kolonialisme itu dapat dihindari.

IPTI dan Masalah Kerohanian Manusia Moden

Memang dari satu sisi situasi yang kita alami penuh dengan *predicaments*, tetapi dari sisi lain ia juga mengandungi *promises*. Iklim keagamaan di Barat sebenarnya tidak hanya dipengaruhi oleh peristiwa 11 September, tetapi juga oleh krisis dalaman yang cukup gawat. Masyarakat Barat baru sahaja digegarkan oleh peristiwa terbongkarnya skandal seks gereja yang serius dan memalukan. Akibatnya timbullah krisis kepercayaan terhadap kewibawaan moral pimpinan gereja. Selain itu memang sebenarnya Barat sedang dilanda pelbagai krisis yang diakibatkan antara lain oleh kekosongan rohaniah. Gemerlap tamadun kebendaan — sains dan teknologi tidak dapat menyinari kegelapan spiritual mereka. Malah

telah timbul gejala ketidakpuasan terhadap agama-agama anutan mereka selama ini yang dinilai gagal memberikan jawapan-jawapan rohaniah yang mereka cari. Perkembangan mutakhir di Britain misalnya, menunjukkan bahawa krisis kepercayaan terhadap *Anglicanism* sedang marak dan merebak, berpunca dari kegagalannya memberikan petunjuk yang jelas dan tegas terhadap isu-isu kerohanian. Lord Patten, tokoh terkemuka yang pernah menganggotai kabinet Thatcher dan Major disebut pernah berkata, "*Sadly...the Anglican Church has lost a following because it has manifested the inability to give clear guidance on spiritual issues. If you ask an Anglican bishop what his view is on something, he will say, 'Well, on the one hand I feel this and on the other hand I feel that.' I say give me a one-handed bishop any day.*" (McGuire, Stryker & Kenneth L. Woodward, 2002: 21).

Di sebalik peristiwa-peristiwa tersebut tersirat satu hakikat bahawa manusia, Barat dan bukan Barat juga sedang mengalami kekalutan menghadapi timbunan masalah-masalah kerohanian yang memerlukan jawapan dan penyelesaian. Keadaan yang sedang berlaku sebenarnya mencabar dan menguji kerelevanan IPTI. Dalam kaitan inilah timbulnya keperluan menyemak program akademik IPTI, sejauh mana kepekaannya terhadap sisi hitam tamadun kebendaan iaitu krisis moral-spiritual yang semakin kronik. Kerelevanan IPTI harus diukur antara lainnya berasaskan kemampuannya mengubah kurikulum pengajian yang berorientasi *problem solving* khususnya dalam konteks isu-isu kerohanian manusia moden.

IPTI: Cabaran Globalisasi dan Teknologi Komunikasi

IPTI memang tidak dapat mengelak dari ikut menangani isu-isu zaman dan lingkungannya. Mungkin antara isu yang banyak menimbulkan keprihatinan adalah fenomena globalisasi masa kini. Kalimat "masa kini" yang mengiringi kata globalisasi memang disengajakan atas perkiraan bahawa globalisasi adalah fenomena yang telah lama menyebarkan dan telah menempuh pelbagai babak dengan pola yang berbeza-beza. Globalisasi masa kini sebenarnya merujuk kepada *the American-led globalization* atau globalisasi yang dijuarai oleh Amerika sehingga ia hampir identik dengan Amerikanisasi. Memang demikianlah kenyataannya, *globalization of American culture* telah merempuh hampir seluruh wilayah Islam sehingga dalam batas-batas tertentu hampir semua orang telah menjadi American, sekurang-kurangnya bahagian tertentu dari gaya hidupnya. Rempuhan ini jelas mendedahkan umat kepada bahaya kecairan dan keleburan jati diri. Keadaan ini mengingatkan kita kepada peranan institusi-institusi pengajian Islam tradisional atau pesantren yang sepanjang zaman penjajahan sebagaimana yang disebut

oleh al-marhum Bapak Muhammad Natsir sebagai kubu pertahanan mental. Barangkali ketika ini wajar kita bertanya mampukah IPTI membentengi jati diri umat dari landasan globalisasi budaya Amerika?

Sebagaimana lumrahnya dunia dagang yang sentiasa gamat dengan persaingan, demikian pulalah halnya dengan dunia pendidikan. Institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta berlumba-lumba membina daya saing kerana mereka sama-sama memancing ikan yang sama di kolam yang sama, hanya umpan dan sampannya sahaja yang berlainan. Dalam suasana persaingan sengit seperti itulah timbulnya kekhuatiran bahawa IPTI hanya akan menjadi pilihan terakhir. Habuan yang diterima oleh IPTI hanya yang tersisa dari jumlah yang telah disedut oleh IPTA dan IPTS lainnya. Dengan demikian kualiti siswa IPTI tidak akan sebaik yang lain. Untuk menhadapi keadaan ini IPTI juga tidak harus ketinggalan membina daya saing dan daya tarik dengan menjadi institusi yang terkini dalam serba-serbi. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi perlu dimanfaatkan sepenuhnya sesuai dengan tuntutan era maya. Bagaimanapun dalam keghairahan memasuki dunia maya ini IPTI harus mempertimbangkan dampak kependidikannya. Apakah positif dan negatifnya apabila seluruh proses pengajaran dilakukan secara maya, tanpa tatap muka murid-guru sebagaimana lazimnya. Bagaimanakah agaknya generasi yang terbina dalam sistem pendidikan maya, tanpa sentuhan guru yang bersifat peribadi dan rohani? Dalam kaitan ini barangkali ada kewajarannya kita mempertimbangkan keprihatinan Naisbitt tentang fenomena *high tech* tanpa *high touch* yang mengakibatkan berlakunya kemabukan dan keracunan teknologi (*technological intoxication*) sehingga manusia kehilangan rasa dan kesedaran kemanusiaan.

IPTI dan Budaya Ilmu

Menjayakan sebuah IPTI mungkin tidak terlalu sukar andainya ia dibantu oleh wujudnya budaya ilmu yang kuat. Malangnya kita menghadapi realiti yang sebaliknya, kemerosotan nilai ilmu dan seterusnya kelesuan budaya ilmu. Umat kita rata-rata mempersepsikan pendidikan adalah urusan yang terbatas hanya untuk anak-anak muda yang umumnya bermentaliti belajar dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya untuk segera terjun ke alam pekerjaan. Sebenarnya itulah masalah asas umat kita, hilangnya ghairah menuntut ilmu. Pendidikan sepanjang hayat (*min al-mahd ila al-lahd*), masyarakat berasaskan ilmu dan lain-lain yang senada, tidak lebih dari sekadar slogan-slogan tanpa penghayatan yang serius. Dalam masyarakat kita belum ada budaya kembali ke kampus setelah

bersara, walhal fenomena seperti itu sudah lama menjadi hal yang biasa di negara-negara Barat. Mungkin telah sampai masanya, sesuai dengan perintah menuntut ilmu dari buaian hingga ke liang lahad, untuk IPTI memikirkan strategi membawa pesara ke kampus semula, mengisi usia senja di akademia. Bagaimanapun yang lebih asas dari itu adalah perjuangan mendaulatkan semula nilai ilmu dan menyuburkan kembali budaya ilmu.

IPTI dan Misi Pemberdayaan Umat

Demikianlah secara umum peluang dan cabaran IPTI masa kini. Namun yang terpenting adalah misi menangani realiti dalaman umat Islam sendiri. Inilah yang seharusnya menjadi agenda utama IPTI keseluruhannya. Situasi dan kondisi umat Islam ketika ini terkesan mirip sekali dengan situasi dan kondisi yang dialami oleh umat abad ke-13M, ketika mereka terhimpit di tengah serbuan ganas musuh dari dua penjuru dunia. Mongol menggempur dari timur, angkatan Salib II mengasak dari barat. Pada abad itulah jatuhnya Baghdad yang beriringan dengan penyembelihan besar-besar ke atas umat Islam oleh kaum biadab dari Asia Tengah itu. Peristiwa hitam tersebut telah menciptakan keadaan yang cukup traumatik-pesimistik di kalangan umat Islam. Mujurlah babak tragik tersebut segera disusul dengan suatu gerakan kependidikan yang mengambil pendekatan kerohanian (tasawwuf). Gerakan kesufian yang menyemarak pada abad ke-13M itu telah memainkan peranan besar membina semula umat yang sedang mengalami disintegrasi yang amat parah. Pendidikan kerohanian yang dipelopori para sufi telah berhasil menyelamatkan cara hidup Islam, memulihkan sikap percaya diri umat dan membina optimisme baru terhadap masa depan. Begitulah fakta sejarah silam dan beginilah realiti kita hari ini, lalu bagaimana IPTI masa kini menanganinya? Yang jelas generasi yang sedang mengalami keadaan traumatik-pesimistik ini sekali lagi memerlukan gerakan kependidikan yang berorientasi pemberdayaan umat. Dalam kaitan ini barangkali ada kewajarannya ditinjau kembali orientasi dan pendekatan ilmu-ilmu keislaman di IPTI seperti ilmu tawhid, ilmu akhlaq dan sebagainya untuk dinilai keberkesanannya mencapai objektif pemberdayaan. Mungkin yang diperlukan ketika ini bukan sekadar *ihya' 'ulum al-din* (menghidupkan ilmu-ilmu agama), tetapi *tajdid 'ulum al-din* (pembaharuan ilmu-ilmu agama).

Penutup

Ternyata realiti yang dihadapi oleh IPTI ketika ini memang penuh cabaran, tetapi sekaligus banyak pula menawarkan peluang. Menyahut cabaran memang susah, dan merebut peluang juga rupa-rupanya tidak mudah.

Namun di mana-mana pun dan bila-bila pun amanah terbesar IPTI sebenarnya tersimpul pada dua kata kunci: *'ilman nafi'an* (ilmu yang bermanfaat). Maka dalam ghairah menawarkan pengajaran pelbagai ilmu — lama dan baru, jangan sampai terulang kesilapan umat silam seperti yang diperingatkan dalam al-Qur'an:

“...dan mereka mempelajari (ilmu) yang memudarat, dan bukan (ilmu) yang membawa manfaat.”

Al-Baqarah:102

Bibliografi

- Azyumardi Azra, 2003. *Kajian Islam di Amerika: Kembalinya Orientalisme?*, dlm. GATRA, no. 31, th.ix, 21 Jun 2003.
- Constantino, Renato, 1996. *Globalization and the Intellectual Tradition*, keynote address, Conference on the University and Intellectual Tradition, Institute for Policy Research, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Fareed Zakaria, 2002. *The Education of a President*, dlm. NEWSWEEK, 14 Jan. 2002.
- McGuire, Stryker & Kenneth L. Woodward, 2002. *Catholic Revival*, dlm. NEWSWEEK, April 8/April 15, 2002.
- Saravan Karumanan, 2003. *The Future is Here: The University of the 21st Century*, dlm. EDUCATION QUARTERLY, no. 28, Mei/Jun 2003.
- Woodward, Kenneth L. 2001. *How Should We Think About Islam?*, dlm. NEWSWEEK, Dis. 31, 2001-Jan. 7, 2002.